



NORJANNAH (tengah) unggul acara 100m.

## UPM juara pra SUKIPT

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) muncul juara keseluruhan Kejohanan Olahraga pra Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang berlangsung di gelanggang sendiri - Stadium Putra Serdang - minggu lalu.

Dibarisi skuad pelapis dan bekas atlet kebangsaan, UPM meraih 12 emas dan lima perak sepanjang tiga hari kejohanan yang menyaksikan pelari kebangsaan, Mohd Zabidi Ghazali dari Universiti Malaya (UM) yang meraih emas 100 meter pada Kejohanan MASUM sebelum itu, unggul 200m.

Selain Mohd Zabidi, atlet ternama lain turut mengambil bahagian ialah Ghanthi Mathi (UPM) yang mengguguli dua acara jarak pertengahan, 800m dan 1500m, Noramira Mohd Na-

fiah yang meraih emas lompat jauh dan S Kanathesan yang memenangi pingat emas 4x400m pada Sukan SEA lalu, menang acara 400m.

Jaguh lontar peluru kebangsaan, Adi Aliffudin Hussin (UPM) turut menguasai acara berkenaan manakala Norjannah Hafisah Jamaludin dari UniMAP kekal penguasaan 'ratu pecut' dengan meraih emas 100m menewaskan rakan seuniversiti, Nurhaslinda Md Husin.

Lebih 25 pasukan dari IPTA, IPTS dan politeknik terbabit sepanjang tiga hari kejohanan selain pasukan jemputan membabitkan pasukan SUKMA dan Pelapis Johor serta Selangor yang menjadikan kejohanan ini sebagai pemanas badan menjelang SUKMA di Pahang, Julai depan.